

Ref: K.P. 8543/Vol. II/(58)

Kementerian Pelajaran,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

7hb Januari, 1976

Semua Pengarah Pelajaran,
Semenanjung Malaysia,
Sabah dan Sarawak.

Tuan,

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1976

Potongan Rambut Murid-Murid

Adalah saya merujuk kepada Surat Pekeliling Kementerian Pelajaran Bil. K.P. 8543/(73) bertarikh 10hb Mac, 1972, mengenai perkara yang tersebut di atas dan memaklumkan bahawa untuk memelihara disiplin dalam sekolah, tuan adalah dikehendakki sekali lagi mengingatkan semua murid sekolah, guru dan kakitangan lain yang masih berambut panjang bahawa cara-cara menyimpan rambut seperti berikut mestilah dipatuhi:-

Rambut Murid-Murid Lelaki

2. Tiap-tiap murid lelaki mesti jangan berambut panjang. Istilah rambut panjang adalah seperti berikut:-

- (a) Di belakang: Rambut jatuh melebihi garisan di bawah cuping dua telinga.
- (b) Di depan: Rambut menutup garisan tengah dahi.
- (c) Di sebelah: Rambut menutup kedua-dua telinga atau sebahagian daripadanya dan "sideburn" melebihi garisan tengah hidung.
- (d) Di atas: Rambut lebih daripada 6" panjang.

Untuk penerangan yang lebih lanjut lagi, di sini adalah dilampirkan satu gambarajah dengan gaya menyimpan rambut untuk murid-murid lelaki.

3. Murid-murid lelaki, guru-guru dan kakitangan lain yang beragama Sikh boleh berambut panjang jika mereka memakai serban tetapi yang tidak berserban, peraturan adalah seperti yang dikuatkuasakan.

Misai dan Janggut

4. Murid-murid lelaki sekolah tidak dibenarkan memakai misai atau janggut atau kedua-duanya. Istilah misai tidak termasuk bulu roma tebal yang mula tumbuh di bibir atas murid-murid lelaki yang beransur baligh dan mereka ini tidaklah patut dipaksa bercukur.

Rambut Murid-Murid Perempuan

5. Bagi murid-murid perempuan rambut hendaklah jangan sehingga jatuh ke bahu tetapi jika ada murid-murid perempuan yang berambut panjang dan enggan memotong pendek, mereka boleh dinasihatkan mengikat rambut masing-masing supaya tidak jatuh ke bahu. Ikatan rambut sebagai tocang (plait) atau "ponytail" boleh dibenarkan.


Guru-Guru dan Kakitangan Lain

6. Adalah menjadi tanggungjawab semua guru memberi tauladan budi pekerti dan perangai yang baik kepada murid-murid mereka dan oleh kerana itu adalah diharap semua guru akan memberi pengaruh yang baik dan menjadi contoh dalam perkara ini.

7. Dengan ini maka Surat Pekeliling Kementerian Pelajaran Bil. K.P. 8543/(73) bertarikh 10hb Mac, 1972 adalah dimansuhkan.

8. Guru-guru Besar di semua sekolah bantuan penuh dan suwa hendaklah diarahkan untuk mengambil tindakan tegas dan menentukan bahawa segala kandungan-kandungan dalam pekeliling ini dipatuhi dengan sepenuh-penuhnya.

Saya yang menurut perintah,



(Kum Boo)

Bahagian Sekolah-Sekolah,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran.

s.k.

SUS kepada Y.B. Menteri Pelajaran.
SUS kepada Y.B. Timbalan Menteri Pelajaran.
Ketua Setiausaha.
Ketua Pengarah Pelajaran.
Timbalan Ketua Setiausaha.
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran.
Ketua Bahagian, Kementerian Pelajaran
Pengarah Latihan Guru - 20 salinan
Setiausaha Politik kepada Y.B. Menteri.
Pegawai Khas (I), (II), (III), kepada Y.B. Menteri.
Pegawai Perhubungan Awam.



Ref: K.P. (BS) 8543/Vol. II/(58)

Surat Pekeliling Ikhtisas No. 2/1976

Lampiran A

